

05/05/2004

Veteran Umno sokong pandangan Dr M

By Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Veteran dan pemimpin Umno menyokong penuh pandangan Tun Dr Mahathir Mohamad, supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno tidak dipertandingkan buat selama-lamanya.

Mereka menganggap cadangan bekas Presiden Umno itu adalah selari dengan amalan yang mendatangkan kebaikan kepada Umno selama ini dan ia perlu terus dipertahankan bagi menjamin keutuhan Umno.

Veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata sebagai orang lama dalam parti, dari dulu hingga sekarang beliau berpendapat dua jawatan penting dalam parti itu tidak perlu dipertandingkan.

"Sejarah membuktikan dua jawatan penting dalam Umno itu amat jarang dipertandingkan dan sejarah juga membuktikan apabila dipertandingkan ia menimbulkan kerosakan dan perpecahan.

"Sekarang penerimaan rakyat terhadap Umno amat baik dan ini terbukti dengan kemenangan besar kita pada pilihan raya umum lalu.

"Janganlah kita sebagai orang Umno sendiri merosakkan perpaduan ini dan merosakkan sokongan yang diberikan oleh rakyat," katanya.

Beliau mengulas pandangan bekas Presiden Umno yang berharap jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak dipertandingkan buat selama-lamanya berdasarkan tradisi Umno, memandangkan ia adalah kaedah terbaik untuk mengelakkan perpecahan.

Dr Mahathir berkata, Umno juga perlu mengekalkan tradisinya iaitu sepakat bagi memilih seseorang sebagai Timbalan Presiden tanpa sebarang pertandingan.

"Mengikut tradisi Umno, kita putuskan peralihan kepemimpinan Umno pada peringkat Timbalan dan kalau belum ada calon maka kita akan memilih seorang. Selepas memilihnya, tidak ada sesiapa yang harus cabar supaya Timbalan dengan secara licin dapat mengambil alih tempat Presiden," kata bekas Perdana Menteri itu.

Aishah berkata, memang ada kekosongan bagi jawatan Timbalan Presiden kerana Timbalan sekarang memangku jawatan Presiden, tetapi mengikut tradisi Umno juga orang yang memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, akan dinaikkan menjadi Timbalan Presiden.

Ini katanya, sudah menjadi amalan yang mendatangkan kebaikan kepada Umno dari dulu hinggalah sekarang.

Seorang lagi veteran Umno, Tan Sri Aziz Tapa, berkata memanglah ikut cara demokrasi, dua jawatan tertinggi dalam parti itu boleh dipertandingkan.

Namun katanya, pandangan Dr Mahathir itu adalah untuk kebaikan Umno kerana sejarah membuktikan sebarang pertandingan bagi dua jawatan tertinggi dalam parti boleh menimbulkan perpecahan.

Beliau berpendapat, jawatan Presiden dan Timbalan Presiden hanya wajar dipertandingkan jika pemimpin bermasalah dan boleh meruntuhkan parti serta bangsa Melayu.

"Pada hari ini kita memiliki gandingan pucuk pimpinan terbaik. Kalau Pak Lah dan Najib sudah bagus kenapa harus ada pertandingan.

"Rakyat sendiri menerima mereka hingga kita menang besar pada pilihan raya lalu. Umno cukup kuat sekarang dan pentadbiran negara berjalan dengan baik," katanya.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, pula berkata memang amat molek jika jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno tidak dipertandingkan selama-lamanya seperti disarankan Dr Mahathir.

Pada masa lepas katanya, jawatan penting dalam parti itu pernah dipertandingkan dan ia diikuti dengan perpecahan kerana ada pemimpin yang sokong `Team A' dan ada yang sokong `Team B'.

Katanya, beberapa kali berlaku pertandingan di peringkat tertinggi dan ia membawa kepada perpecahan yang sukar untuk dibendung selepas itu.

"Pengalaman ini menyebabkan ahli Umno berpendapat elok sangat jawatan itu tidak dipertandingkan walaupun dari segi perlembagaan dan demokrasi ia boleh dipertandingkan," katanya.

(END)